La Trobe Off-Campus Accommodation Database

Pangkalan Data Penginapan Luar Kampus La Trobe

Search for share housing and private rental accommodation.

Mencari kediaman bersama dan penginapan rumah sewa persendirian.

Guide to Renting

Panduan Menyewa

Off-Campus Accommodation Options

Pilihan Penginapan Luar Kampus

Find out more about your accommodation options.

Dapatkan maklumat lanjut mengenai pilihan penginapan anda.

Off-Campus Accommodation Options

Pilihan Penginapan Luar Kampus

When you start looking for off-campus accommodation, there are a range of available housing options. Each choice offers different benefits and costs. Your choice of accommodation may depend on the location you want to live in, the condition and facilities in the property, whether you prefer a quiet or busy social house and your budget.

Apabila anda mula mencari penginapan luar kampus, terdapat pelbagai pilihan kediaman yang ditawarkan. Setiap pilihan menawarkan faedah dan kos yang berbeza. Pilihan anda untuk penginapan bergantung kepada lokasi yang anda mahu, keadaan dan kemudahan yang ada, sama ada anda lebih suka rumah sosial yang tidak bising atau sibuk dan juga bajet anda.

Short Term Accommodation

Penginapan Jangka Pendek

We recommend that you take temporary accommodation (on-campus, hotel, motel or backpacker) when you first arrive. This will give you an opportunity to search for suitable longer term housing. It is a good idea to allow at least 3 weeks looking for longer term housing.

Kami syorkan agar anda mengambil tempat tinggal sementara (di kampus, hotel, motel atau rumah tumpangan pengembara) apabila anda mula-mula tiba. Ini akan memberikan anda peluang untuk mencari kediaman jangka panjang yang sesuai. Sebaik-baiknya anda meluangkan masa sekurang-kurangnya 3 minggu untuk mencari kediaman jangka panjang.

- ☐ On Campus
- ☐ Di Kampus

Where there is availability short term and casual stays may be possible within most residences in Melbourne and Bendigo please contact living@latrobe.edu.au for more information. For an indication of cost please read our Fees & Charges.

Di mana kekosongan jangka pendek dan penginapan kasual mungkin boleh didapati di kebanyakan kediaman di Melbourne dan Bendigo sila hubungi lliving@latrobe.edu.au untuk maklumat lanjut. Sebagai petunjuk kos sila baca Yuran dan Caj kami.

Hotels/Motels

Hotel/Motel

Melbourne

Melbourne

Quest Bundoora

Quest Bundoora

Quest Bundoora is a serviced apartment hotel located a short 10 minute drive from the Bundoora campus. They offer studio, one, two and three bedroom apartments all with kitchen facilities, laundry facilities and king split beds. Quest Bundoora also operates a complimentary shuttle service daily which the students could take advantage of.

Quest Bundoora adalah hotel pangsapuri servis yang dekat, hanya 10 minit pemanduan dari kampus Bundoora. Ia menawarkan studio dan satu, dua atau tiga bilik tidur pangsapuri semuanya dilengkapi dengan kemudahan dapur, dobi dan katil pisahan yang berukuran besar. Quest Bundoora juga mengendalikan perkhidmatan ulang-alik percuma setiap hari yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar.

Greensborough Motor Inn

Greensborough Motor Inn

A privately run motel located on the corner of Torbay Street and Greensborough Highway near the Yallambie turn off. Greensborough Motor Inn is a short drive, approximately five minutes from the La Trobe Melbourne campus, and about twenty minutes from Melbourne International Airport.

Motel yang dikendalikan secara persendirian ini terletak di sudut Torbay Street dan Lebuhraya Greensborough berhampiran jalan susur Yallambie. Greensborough Motor Inn juga dekat, lebih

kurang lima minit pemanduan dari kampus La Trobe Melbourne, dan kira-kira dua puluh minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Melbourne.

Le Student 8

Le Student 8

LeStudent8 is located close to public transport, including tram, train and bus. It offers a free shuttle bus from the complex to La Trobe in Bundoora and to the city 5 days a week.

LeStudent8 terletak berhampiran dengan pengangkutan awam termasuk trem, kereta api dan bas. Ia menawarkan bas ulang-alik percuma dari kompleks tersebut ke La Trobe di Bundoora dan ke bandar 5 hari seminggu.

Bendigo

Bendigo

The nearest motels are located in the Bendigo's City Centre. One of these is the All Seasons Hotel. The Bendigo Information Centre can also assist with accommodation bookings.

Motel-motel terdekat terletak di Pusat bandar Bendigo ini. Salah satu daripadanya adalah All Seasons Hotel. Pusat Maklumat Bendigo juga boleh membantu dengan tempahan penginapan.

Tip: Have a look at the Visit Victoria website for backpackers, hostels, motels and hotels in Victoria.

Maklumat berguna: Kunjungi laman web Visit Victoria untuk rumah tumpangan backpacker, asrama, motel dan hotel di Victoria.

Wodonga

Wodonga

Quest Hotel in Wodonga.

Quest Hotel di Wodonga.

Longer term Accommodation

Penginapan tinggal lebih lama

You can choose from a range of off-campus accommodation options close to La Trobe University, including:

Anda boleh memilih dari pelbagai pilihan tempat penginapan luar kampus berhampiran dengan Universiti La Trobe, termasuk:

- **Share Housing**
- **Kediaman Bersama**

Sharing a rented house or flat with other people is generally the most economical, flexible and popular form of off-campus accommodation. You can choose to move into an existing shared house, or organise a group to establish a new shared house.

Berkongsi rumah sewa atau rumah pangsa dengan orang lain pada umumnya merupakan tempat penginapan luar kampus yang paling ekonomi, fleksibel dan popular. Anda boleh memilih untuk berpindah ke rumah bersama yang sedia ada, atau mewujudkan kumpulan untuk mendapat sebuah rumah bersama yang baru.

Usually, each person in a shared house has their own bedroom and contributes to the cost of household goods, the bond (security deposit), gas, electricity, water, and telephone charges. In most cases you will be expected to provide your own bedroom furniture. The bathroom, kitchen and living room are for everyone to share and maintain.

Biasanya, setiap orang dalam sebuah rumah bersama mempunyai bilik tidurnya sendiri dan menyumbang kepada kos barang-barang rumah, bon (deposit keselamatan), gas, elektrik, air, dan caj telefon. Dalam kebanyakan kes, anda diharapkan untuk menyediakan sendiri perabot untuk bilik tidur anda. Bilik mandi, dapur dan ruang tamu adalah untuk kegunaan semua orang.

Some considerations prior to moving into a shared household –

Beberapa pertimbangan sebelum pindah ke rumah bersama -

- Current lease agreement
- Perjanjian sewa semasa
- Household expectations and rules (cooking, cleaning, system for paying bills)
- Tindakan dan peraturan di rumah (memasak, pembersihan, sistem untuk membayar bil)
- People who may be moving out or moving in to the household
- Orang yang mungkin keluar atau masuk ke rumah
- Your room (privacy, size and furnishings)
- Bilik anda (privasi, saiz dan perabot)
- Safety inside and outside the property
- Keselamatan dalam dan di luar kediaman

If you are thinking about share housing, it is helpful to consider your potential legal status in the shared housing arrangement. For example, you may be moving into a co-tenancy household where all tenants have equal rights or you may find one tenant (called a head tenant) is sub-letting to another tenant, or you may find you have a licence agreement with no tenancy rights.

Jika anda merancang untuk tinggal bersama dengan orang lain, baik anda mempertimbangkan status anda dari segi undang-undang dalam perjanjian kediaman bersama. Sebagai contoh, anda mungkin berpindah ke rumah bersama di mana semua penyewa mempunyai hak yang sama atau anda mungkin mendapati seorang penyewa (dipanggil penyewa asal) menyewa pula kepada

penyewa lain, atau anda mungkin mendapati anda mempunyai perjanjian lesen tetapi tiada hak penyewaan.

The Tenancy Union of Victoria produces a useful fact sheet on shared households.

Kesatuan Penyewaan Victoria memberi penerangan berguna mengenai kediaman bersama.

Tip: The Residential Tenancies Act (1997) does not differentiate between the rights and obligations of co-tenants in relation to each other. If you find yourself in a dispute with another tenant, the Dispute Settlement Centre of Victoria (DSCV) provides a free dispute mediation service. Their contact details are Dispute Settlement Centre of Victoria +61 3 9603 8370 or 1800 658 528.

Maklumat berguna: Akta Penyewaan Kediaman (1997) tidak membezakan antara hak-hak dan kewajipan bersama penyewa antara satu dengan yang lain. Jika anda mendapati diri anda dalam pertikaian dengan penyewa lain, Pusat Penyelesaian Pertikaian Victoria (DSCV) menyediakan perkhidmatan pengantaraan pertikaian percuma. Pusat Penyelesaian Pertikaian Victoria boleh dihubungi di +61 3 9603 8370 atau 1800 658 528.

- **Hostels/Rooming Houses**
- **Asrama/Rumah Tumpangan**

If you live in a house or property where there's one of more rooms available for rent and the total number of people occupying these rooms are four or more it may be classified as a rooming house. Bedrooms are usually furnished and you can rent your own locked bedroom (single room) or share a bedroom with others (dorm room). You also share the house common facilities such as kitchen, laundry, bathroom and living areas. Rooming houses are a good option if you enjoy living in a communal environment.

Jika anda tinggal di rumah di mana terdapat satu atau lebih bilik untuk disewa dan bilangan orang yang tinggal di bilik ini adalah empat atau lebih, maka ia boleh diklasifikasikan sebagai rumah tumpangan. Bilik tidur biasanya dilengkapi perabot dan anda boleh menyewa bilik tidur berkunci anda sendiri (bilik bujang) atau berkongsi bilik tidur dengan orang lain (bilik asrama). Anda juga berkongsi kemudahan bersama seperti dapur, dobi, bilik mandi dan ruang tamu. Rumah tumpangan adalah pilihan yang baik jika anda sukar kehidupan komunal.

Rooming house operators are required to comply with minimum standards which relate to privacy, security, safety and amenities. You can view the minimum standards at Consumer Affairs Victoria. Pengusaha rumah tumpangan dikehendaki mematuhi peraturan minimum yang berkaitan dengan privasi, keselamatan dan kemudahan. Anda boleh melihat peraturan minimum ini di Hal Ehwal Pengguna Victoria.

Tip: We recommend that you do not accept rooming house accommodation unless it has been registered with the council. You can check registration through the public register of rooming houses or check with the local council.

Maklumat berguna: Kami mengesyorkan agar anda tidak tinggal di rumah tumpangan kecuali ia telah berdaftar dengan majlis itu. Anda boleh menyemak pendaftaran melalui daftar awam rumah tumpangan atau menyemak dengan majlis tempatan.

- **Private rental vacancies**
- **Penyewaan rumah sewa persendirian**

This option includes units, flats, house, self-contained bungalows and apartments. By living in a private rental you have the opportunity to live independently and to be responsible for all aspects of your tenancy. This can be one of the more expensive options as you are solely responsible for meeting costs such as the bond (security deposit), rent in advance, gas, electricity and water, moving expenses and furnishings.

Pilihan ini termasuk unit, rumah pangsa, rumah, banglo dan pangsapuri yang serba lengkap. Tinggal di rumah sewa persendirian memberi anda peluang untuk hidup berdikari dan bertanggungjawab dalam semua aspek penyewaan. Ini mungkin merupakan salah satu pilihan yang lebih mahal kerana anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memenuhi kos seperti bon (deposit keselamatan), bayaran pendahuluan sewa, gas, elektrik dan air, perbelanjaan berpindah dan perabot.

Many private rental properties are managed by real estate agencies. Finding rental accommodation can be time consuming. You will need to inspect properties, submit application forms and understand your legal rights and responsibilities. If you are considering this option, it is a good idea to allow a minimum of 4 weeks to secure accommodation.

Banyak hartanah sewa persendirian diuruskan oleh agensi-agensi hartanah. Mencari tempat penginapan sewa boleh memakan masa. Anda perlu memeriksa hartanah tersebut, mengemukakan borang permohonan dan memahami hak-hak dan tanggungjawab anda. Jika anda mempertimbangkan pilihan ini, ada baiknya anda meluangkan sekurang-kurangnya 4 minggu untuk mencari tempat penginapan.

Tip: Ensure you fully understand the terms and conditions of a lease agreement before you sign . As a lease is a legally binding document with no cooling off period, it could be expensive for you if you change your mind and want to break the lease.

Maklumat berguna: Pastikan anda memahami sepenuhnya terma dan syarat perjanjian sewa sebelum anda menandatanganinya. Oleh sebab perjanjian itu adalah dokumen yang sah di sisi undang-undang tanpa tempoh bertenang, anda mungkin kerugian besar jika anda berubah fikiran dan mahu membatalkan perjanjian itu.

- **Commercially operated student apartments**
- **Apartmen pelajar dikendalikan secara komersial**

If you are interested in living independently in a larger complex, without extensive pastoral support but with access to common facilities this may be a good option. Rooms come fully furnished and you have your own bathroom and kitchen facilities. There are different types of accommodation within apartments you can choose from such as; studio room, one bedroom, two bedroom and twin share.

Jika anda berminat untuk hidup secara bebas dalam kompleks yang lebih besar, tanpa sokongan pastoral luas tetapi dengan akses kepada kemudahan asas ini boleh menjadi pilihan yang baik. Bilik-bilik dilengkapi sepenuhnya dan anda mempunyai bilik mandi dan dapur anda sendiri. Terdapat beberapa jenis penginapan dalam pangsapuri untuk anda memilih daripada seperti; bilik studio, satu bilik tidur, dua bilik tidur dan dwiinap.

This can be an expensive option, especially if you would prefer to have your own room.

Pilihan ini mungkin mahal, terutamanya jika anda lebih suka untuk mempunyai bilik anda sendiri.

Tip: It is a good idea to check the location of the apartment in relation to your campus and access to public transport.

Maklumat berguna: Ada baiknya anda memeriksa lokasi apartmen tentang jaraknya dari kampus dan akses kepada pengangkutan awam.

- **Homestay**
- **Inapan keluarga**

In a homestay arrangement, you live as a guest with the host family in their home. Meals and other support may be provided and your room is usually fully furnished. This option can be appealing as it gives an opportunity to be supported in a family environment.

Dalam inapan keluarga, anda tinggal sebagai tetamu dengan keluarga tuan rumah di rumah mereka. Makanan dan sokongan lain mungkin disediakan dan bilik anda biasanya dilengkapi sepenuhnya. Pilihan ini menarik kerana anda mendapar bantuan daripada keluarga tersebut.

Your homestay options at La Trobe

Pilihan inapan keluarga di La Trobe

Whatever accommodation options you choose if you need more information about what the law say about your rights and responsibilities the La Trobe Student Legal Service can help. You can contact them on (03) 9479 2314.

Apapun pilihan penginapan anda, jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai hak dan tanggungjawab anda di bawah undang-undang Perkhidmatan Undang-undang Pelajar La Trobe boleh membantu anda. Anda boleh menghubungi mereka di (03) 9479 2314.

Disclaimer: The above mentioned short and longer term accommodation options are provided for information only. They are not affiliated with/ endorsed by La Trobe University.

Penafian: Pilihan penginapan jangka pendek dan panjang yang dinyatakan di atas disediakan untuk maklumat sahaja. Ia tiada kaitan dengan/atau disahkan oleh Universiti La Trobe.

Compare Properties

Bandingkan Hartanah

The Tenants Union of Victoria (TUV) produces a helpful Off-Campus Accommodation Checklist which can help you compare properties.

Kesatuan Penyewa Victoria (TUV) menghasilkan Senarai Semak Penginapan Luar Kampus yang berguna yang boleh membantu anda membuat perbandingan hartanah.

Accommodation websites

Laman web penginapan

La Trobe Off-Campus Accommodation Database

Pangkalan Data Penginapan Luar Kampus La Trobe

You can search the La Trobe's Off-campus accommodation database for share housing and private rental vacancies.

Anda boleh meneliti pangkalan data penginapan luar kampus La Trobe untuk mencari kekosongan mengenai kediaman bersama dan rumah sewa persendirian.

External rental properties advertised through real estate websites, local newspapers and bookstores-

Penyewaan hartanah luar yang diiklankan melalui laman web hartanah, akhbar tempatan dan kedai buku-

Websites

Laman web

domain.com.au

realestate.com.au

firstnational.com.au

flatmates.com.au

flatmatefinders.com.au

housemates.com.au

sunraysiadaily.com.au (kampus Mildura)

sheppadviser.com.au (kampus Shepparton)

classifieds.bendigoadvertiser.com.au (kampus Bendigo)

bordermail.com.au (Albury/Wodonga)

Bookstores -

Kedai Buku -

- Readings Bookstore, 309 Lygon Street, Carlton Readings Bookstore, 309 Lygon Street, Carlton
- Friends of the Earth, 312 Smith Street, Collingwood Friends of the Earth, 312 Smith Street, Collingwood

Disclaimer: The above mentioned external websites, newspapers and bookshops are provided for information only. They are not affiliated with/ endorsed by La Trobe University.

Penafian: Laman web luar yang disebutkan di atas, surat khabar dan kedai buku disediakan untuk maklumat sahaja. Ia tiada kaitan dengan/atau disahkan oleh La Trobe University.

Tip: We recommend that you inspect longer term accommodation to ensure it is suitable and genuine prior to sending any money.

Maklumat berguna: Kami mengesyorkan agar anda memeriksa penginapan jangka panjang untuk memastikan ia sesuai dan tulen sebelum mengirim wang.

Living costs

Kos sara hidup

Cost of living information to help you plan and prepare a budget.

Maklumat kos sara hidup untuk membantu anda merancang dan menyediakan bajet.

Living costs

Kos sara hidup

When you are preparing to rent, it is helpful to consider your living costs and budget. Your preferred accommodation location, lifestyle needs and choices will affect your costs.

Apabila anda bersedia untuk menyewa, ada baiknya anda mempertimbangkan kos sara hidup dan bajet anda. Lokasi penginapan pilihan, keperluan gaya hidup dan pilihan anda akan memberi kesan kepada kos anda.

The following tables with location maps provide an estimate on median rental prices for each campus.

Jadual berikut dengan peta lokasi memberi anggaran kepada harga sewa median bagi setiap kampus.

Median rental prices (estimated)

Harga sewa median (anggaran)

Bundoora Campus

Kampus Bundoora

Pinggir bandar	Unit (2 Bilik tidur)	Rumah (3 Bilik tidur)	Jarak ke Kampus (Lebih kurang.)
Bundoora	**$340**	**$360**	**1 km**
Macleod	**$330**	**$375**	**2 km**
Kingsbury	**$310**	**$353**	**2 km**
Heidelberg Heights	**$340**	**$350**	**2 km**
Reservoir	**$318**	**$350**	**2 km**
Rosanna	**$320**	**$390**	**3 km**
Preston	**$350**	**$420**	**5 km**

As of 20th July 2015. Sources- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb and www.realestate.com.au/neighbourhoods

Sehingga 20 Julai 2015. Sumber- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb dan www.realestate.com.au/neighbourhoods

Bendigo Campus

Kampus Bendigo

Pinggir bandar	Unit 2 Bilik tidur	Rumah 3 Bilik tidur
Bendigo	$240	$285

As of 20th July 2015. Sources- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb and www.realestate.com.au/neighbourhoods

Sehingga 20 Julai 2015. Sumber - http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb dan www.realestate.com.au/neighbourhoods

Albury/Wodonga Campus

Kampus Albury/Wodonga

Pinggir bandar	Unit 2 Bilik tidur	Rumah 3 Bilik tidur
Albury	$230	$300
Wodonga	$220	$300

As of 20th July 2015. Sources- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb and www.realestate.com.au/neighbourhoods

Sehingga 20 Julai 2015. Sumber -- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb dan www.realestate.com.au/neighbourhoods

Shepparton

Pinggir bandar	Unit 2 Bilik tidur	Rumah 3 Bilik tidur
Shepparton	$220	$280

As of 20th July 2015. Sources- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb and www.realestate.com.au/neighbourhoods

Sehingga 20 Julai 2015. Sumber- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb dan www.realestate.com.au/neighbourhoods

Mildura

Pinggir bandar	Unit 2 Bilik tidur	Rumah 3 Bilik tidur
Mildura	$200	$280

As of 20th July 2015. Sources- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb and www.realestate.com.au/neighbourhoods

Sehingga 20 Julai 2015. Sumber-- http://www.reiv.com.au/Property-Research/Rental-Data/Median-rents-by-suburb dan www.realestate.com.au/neighbourhoods

Compare the costs of living

Bandingkan kos sara hidup

The living costs table shows estimated average annual costs for a single student sharing rental accommodation, living in a one bedroom flat, living in homestay or living on campus.

Jadual kos sara hidup menunjukkan anggaran kos purata tahunan untuk seorang pelajar berkongsi penginapan sewa, di satu bilik tidur rumah pangsa, di inapan keluarga atau tinggal di kampus.

Save Money

Jimat Wang

Preparing a budget will help you manage your money. For an excellent budget planner visit Moneysmart.

Menyediakan bajet akan membantu anda menguruskan wang anda. Untuk perancang bajet yang baik sila kunjungi MoneySmart.

Refer to our Cheap and Free Guide for some tips on how to save time and money in Melbourne.

Rujuk kepada Panduan Murah dan Percuma kami untuk beberapa maklumat berguna mengenai cara menjimatkan masa dan wang di Melbourne.

To help reduce your living costs and ecological footprint download the 'Victorian Green Renters Guide: Sustainable Living Tips for Renters'

Untuk membantu mengurangkan kos sara hidup anda dan jejak ekologi sila muat turun 'Victoria Green Renters Guide: Sustainable Living Tips for Renters'

Tenancies

Penyewaan

Starting, maintaining and ending a tenancy

Memulakan, mengekalkan dan menamatkan penyewaan

Tenancies

Penyewaan

Starting your Tenancy

Memulakan Penyewaan anda

When you start a tenancy you enter into a lease agreement. Lease agreements can be both in writing or verbal and apply for a fixed term (for example six or twelve months) or be periodic (typically month to month). If you are given a written tenancy agreement, ensure you fully understand the agreement prior to signing.

Apabila anda memulakan penyewaan anda mengikat perjanjian penyewaan. Perjanjian penyewaan boleh jadi secara bertulis atau lisan dan untuk suatu masa yang tertentu (contohnya enam atau dua

belas bulan) atau secara berkala (biasanya bulan ke bulan). Jika anda diberi perjanjian penyewaan bertulis, pastikan anda memahami sepenuhnya perjanjian tersebut sebelum menandatanganinya.

When you begin a new tenancy you should be provided with –

Apabila anda memulakan penyewaan yang baru anda harus disediakan dengan -

- Renting a Home: A Guide for Tenants by Consumer Affairs Victoria
- Menyewa Rumah: Panduan untuk Penyewa oleh Hal Ehwal Pengguna Victoria
- Copies of your condition report.
- Salinan laporan keadaan anda.
- Landlords contact details and written indication as to whether or not the agent can authorise urgent repairs (and if this is the case the maximum amount the agent can authorise to spend).
- Butir-butir hubungan tuan rumah dan petunjuk bertulis sama ada atau tidak ejen boleh membenarkan pembaikan segera (dan jika ini berlaku jumlah maksimum ejen itu boleh memberi kuasa untuk dibelanjakan).

Condition Report

Laporan Keadaan

The condition report provides evidence of the condition of the property when you moved in. It documents cleanliness, fixtures and fittings and existing damage.

Laporan keadaan memberikan keterangan mengenai keadaan harta itu apabila anda berpindah masuk. Ia mendokumenkan kebersihan, lekapan dan kelengkapan dan kerosakan yang sedia ada.

The report is essential as it may help you defend a bond claim or compensation claim for damage, or cleaning costs at the conclusion of your tenancy.

Laporan itu adalah penting kerana ia boleh membantu anda mempertahankan tuntutan bon atau tuntutan pampasan bagi kerosakan, atau kos pembersihan pada akhir penyewaan anda.

Ensure you go through the property room by room and make comments on the condition report if you find any damage (such as marks on the walls, carpet stains etc.). Once the form is completed and signed return it to the landlord within three business days of moving into the premises.

Pastikan anda memeriksa bilik demi bilik dan mencatat komen dalam laporan keadaan jika anda mendapati sebarang kerosakan (seperti tanda di dinding, kotoran permaidani dan lain-lain). Setelah borang diisi dengan lengkap dan ditandatangani kembalikannya kepada tuan rumah dalam masa tiga hari selepas berpindah masuk ke premis.

Tip: We recommend you take photos of the property, this will help to support your comments on the condition report.

Maklumat berguna: Kami mengesyorkan agar anda mengambil gambar harta itu, ini akan membantu untuk menyokong komen anda pada laporan keadaan.

Bond

Bon

A bond is a security deposit (usually equal to one month's rent) that you pay to the landlord at the start of your tenancy. When you pay a bond the landlord should sign a Bond Lodgement Form and give you the form to sign. The form should then be lodged with the Residential Tenancies Bond Authority within 10 days. At the end of your tenancy the landlord may be able to make a claim for all or a part of your bond as compensation for any damage they believe you made to the property or for unpaid rent.

Bon adalah deposit keselamatan (biasanya sama dengan satu bulan sewa) yang anda bayar kepada tuan rumah pada permulaan penyewaan anda. Apabila anda membayar bon tuan rumah perlu menandatangani Borang Bon Penginapan dan memberi anda borang untuk ditandatangani. Borang tersebut harus diserahkan kepada Lembaga Bon Penyewaan Kediaman dalam tempoh 10 hari. Pada akhir penyewaan anda tuan rumah boleh membuat tuntutan bagi semua atau sebahagian daripada bon anda sebagai pampasan bagi apa-apa kerosakan yang mereka percaya anda lakukan atau untuk sewa yang tidak dibayar.

To help guide you through the process of starting a tenancy refer to the step by step guide produced by the Tenants Union of Victoria.

Untuk membimbing anda melalui proses memulakan penyewaan sila merujuk kepada langkah demi langkah panduan yang dikeluarkan oleh Kesatuan Penyewa Victoria.

Tip: Check that you receive receipts for the bond, all rental payments and any bills.

Maklumat berguna: Pastikan anda menerima resit bagi bon, semua pembayaran sewa dan bil-bil.

During a Tenancy

Semasa Penyewaan

As a tenant you have a number of responsibilities, such as –

Sebagai penyewa anda mempunyai beberapa tanggungjawab, seperti -

- Connecting your utilities (water, gas, electricity) and phone
- Menyambung utiliti anda (air, gas, elektrik) dan telefon
- Paying rent on time.
- Membayar sewa tepat pada masanya.
- Keeping the property in the same condition it was in when you first moved in.
- Menjaga harta itu dalam keadaan yang sama semasa anda mula-mula berpindah masuk.
- Reporting any damage to your landlord that you or a visitor caused.
- Melaporkan sebarang kerosakan kepada tuan rumah yang disebabkan anda atau pengunjung anda.
- Notifying the landlord of any repairs that are needed.
- Memberitahu tuan rumah apa-apa pembaikan yang diperlukan.

Your landlord also has responsibilities such as –

Tuan rumah anda juga mempunyai tanggungjawab seperti -

- Lodging bond money with the Residential Tenancies Bond Authority (RTBA)
- Melaporkan wang bon kepada Lembaga Bon Penyewaan Kediaman (RTBA)
- Provide you with the Renting a Home: A Guide for Tenants and Landlords from Consumer Affairs Victoria
- Memberikan anda risalah Menyewa Rumah: Panduan untuk Penyewa dan Tuan Rumah terbitan Hal Ehwal Pengguna Victoria
- Repairing and maintaining the property
- Membaiki dan menyenggarakan harta
- Giving you privacy
- Memberi anda privasi

Tenancy publications to help with your rights and responsibilities are located on each campus through Accommodation Services, Internal Student Services, La Trobe Student Union and Bendigo Student Association.

Penerbitan penyewaan untuk pengetahuan anda mengenai hak dan tanggungjawab anda boleh didapati di setiap kampus melalui Perkhidmatan Penginapan, Perkhidmatan Pelajar Dalaman, Kesatuan Pelajar La Trobe dan Persatuan Pelajar Bendigo.

Tip: If you need tenancy advice and/ advocacy support during your tenancy La Trobe Student Union or the Bendigo Student Association (Bendigo students) can help.

Maklumat berguna: Jika anda memerlukan nasihat penyewaan dan/ sokongan kepeguaman semasa penyewaan anda Kesatuan Pelajar La Trobe atau Persatuan Pelajar Bendigo (pelajar Bendigo) boleh membantu.

Moving Out

Berpindah keluar

When you want to move out you need to give a minimum of 28 days written notice of your intention to vacate to your landlord. This does not apply to rooming house residents, where you are required to provide at least 2 days notice.

Apabila anda mahu keluar anda perlu memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 28 hari mengenai niat anda untuk mengosongkan tempat tinggal kepada tuan rumah anda. Ini tidak terpakai kepada penghuni rumah tumpangan, di mana anda dikehendaki memberi notis sekurang-kurangnya 2 hari.

If you gave notice to the landlord that you were moving out, you can move out prior to the notice expiring. You will be liable however for rent until the end of the notice period, unless the landlord is able to find a new tenant before the notice period expires.

Jika anda telah memberi notis kepada tuan rumah bahawa anda akan berpindah keluar, anda boleh keluar sebelum tamat notis itu. Bagaimanapun, anda akan bertanggungjawab bagi sewa sehingga akhir tempoh notis itu, kecuali tuan rumah dapat mencari penyewa baru sebelum tempoh notis tamat.

If you are leaving accommodation you need to ensure the property is left in a clean condition. If you do not leave the property adequately cleaned and restored to its original condition your landlord may make a claim against your bond.

Jika anda keluar daripada tempat penginapan tersebut anda perlu memastikan harta itu ditinggalkan dalam keadaan bersih. Jika anda tidak meninggalkan harta itu dibersihkan dan dalam keadaan asal tuan rumah anda boleh membuat tuntutan terhadap bon anda.

For the return of the bond, you and the accommodation provider need to sign a bond claim form. The bond claim form is then sent to the Residential Tenancies Bond Authority (RTBA). The return of the bond to you may take a couple of weeks. If you and the accommodation provider are in disagreement in relation to the return of the bond, the provider must apply to the Victorian Civil and Administrative Tribunal for an order that they be paid part of all of the bond within 10 business days of your tenancy ending. Refer to the 'Step-by-step guide to bond recovery ' factsheet produced by the Tenants Union of Victoria for more information about the return of your bond.

Untuk pemulangan bon, anda dan penyedia penginapan perlu menandatangani borang tuntutan bon. Borang tuntutan bon kemudiannya dihantar kepada Lembaga Bon Penyewaan Kediaman (RTBA). Pemulangan bon kepada anda mungkin mengambil masa beberapa minggu. Jika anda dan penyedia penginapan mempunyai perbezaan pendapat berkaitan dengan pemulangan bon, pihak penyedia perlu memohon kepada Tribunal Awam dan Pentadbiran Victoria untuk mendapatkan perintah bahawa dia dibayar sebahagian atau semua daripada bon dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh akhir penyewaan anda. Sila rujuk kepada risalah 'Langkah demi langkah panduan untuk pemulihan bon' terbitan Kesatuan Penyewa Victoria untuk maklumat lanjut mengenai pemulangan bon anda.

If you are renting a property you will also need to disconnect utilities and ask for a final utilities reading (allow at least 48 hours). If you fail to disconnect services you may be paying for utilities after you have left the property. For shared households, call the utility company and request to have your name removed from the account.

Jika anda menyewa harta anda juga akan perlu untuk memutuskan bekalan utiliti dan meminta bacaan akhir utiliti (bagi tempoh sekurang-kurangnya 48 jam). Jika anda gagal untuk berbuat demikian anda mungkin terpaksa membayar utiliti selepas anda telah meninggalkan harta tersebut. Bagi rumah bersama, hubungi syarikat utiliti dan minta nama anda dikeluarkan dari akaun.

You can complete a mail redirection form at the post office to have your mail sent from your current address to another address. Find out more about redirecting mail.

Anda boleh mengisi borang di pejabat pos untuk menghantar surat ke alamat baru. Dapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini.

Tip: Have a look at the ‘Ending a Tenancy factsheet’ produced by the Tenants Union of Victoria for more information.

Maklumat berguna: Teliti risalah 'Menamatkan Penyewaan' yang dikeluarkan oleh Kesatuan Penyewa Victoria untuk maklumat lanjut.

Rental Resources

Sumber Penyewaan

On campus you can access a range of publications to help you understand your tenancy rights and responsibilities. Visit Accommodation Services , International Student Services , La Trobe Student Union and the Bendigo Student Association (Bendigo students).

Di kampus anda boleh mengakses pelbagai penerbitan untuk membantu anda memahami hak penyewaan dan tanggungjawab anda. Sila kunjungi Perkhidmatan Penginapan, Perkhidmatan Pelajar Antarabangsa, Kesatuan Pelajar La Trobe dan Persatuan Pelajar Bendigo (pelajar Bendigo).

La Trobe Student Union and the Bendigo Student Association (Bendigo students) also provide a tenancy advisory and advocacy service through the La Trobe Student Union Legal Service. You can see a lawyer from the Legal Service for free to get advice and help with your specific rental situation. Contact the LTSU Legal Service on (03) 9479 2314.

Kesatuan Pelajar La Trobe dan Persatuan Pelajar Bendigo (pelajar Bendigo) juga menyediakan nasihat penyewaan dan perkhidmatan sokongan melalui Perkhidmatan Guaman Kesatuan Pelajar La Trobe. Anda boleh berjumpa peguam dari Perkhidmatan Guaman secara percuma untuk mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai masalah sewa anda. Hubungi Perkhidmatan Guaman LTSU di (03) 9479 2314.

External Assistance

Bantuan luar

Consumer Affairs Victoria (CAV) is the governing body responsible for the Residential Tenancies Act (1997). Consumer Affairs Victoria can help you with rental information and advice. CAV also offer a dispute resolution service. You can call CAV on 1300 55 81 81 or find them on facebook.

Hal Ehwal Pengguna Victoria (CAV) merupakan badan pentadbiran yang bertanggungjawab ke atas Akta Penyewaan Kediaman (1997). Hal Ehwal Pengguna Victoria boleh membantu anda berkenaan maklumat sewa dan nasihat. CAV juga menawarkan perkhidmatan penyelesaian pertikaian. Anda boleh memanggil CAV pada 1300 55 81 81 atau mencari mereka di facebook.

Download the Consumer Affairs Victoria Rentright App for important information and tools to help you manage your tenancy.

Muat turun Rentright applikasi Hal Ehwal Pengguna Victoria untuk maklumat penting dan alat-alat untuk membantu anda menguruskan penyewaan anda.

The Tenants Union of Victoria (TUV) was established to protect tenants' rights, they can assist with free and confidential advice if you have a tenancy issue. Publications produced by the TUV are available in multiple languages. You can call TUV for confidential and free advice on +61 3 9416 2577.

Kesatuan Penyewa Victoria (TUV) telah ditubuhkan untuk melindungi hak penyewa. Mereka boleh membantu dengan nasihat percuma dan sulit jika anda mempunyai isu penyewaan. Penerbitan yang dihasilkan oleh TUV boleh didapati dalam pelbagai bahasa. Anda boleh menghubungi TUV untuk nasihat sulit dan percuma di +61 3 9416 2577.

The Dispute Settlement Centre of Victoria (DSCV) offers a free mediation service which can help if you have a co-tenancy dispute. Phone DSCV: +61 3 9603 8310.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Victoria (DSCV) menawarkan perkhidmatan pengantaraan percuma yang boleh membantu anda jika anda mempunyai pertikaian mengenai penyewaan bersama. Nombor telefon DSCV: +61 3 9603 8310.

Environment Victoria has tips on how to reduce your environmental impact when renting.

Alam Sekitar Victoria mempunyai maklumat berguna mengenai bagaimana untuk mengurangkan kesan alam sekitar anda apabila menyewa.

Rental Publications

Penerbitan Penyewaan

'Renting a Home: A Guide for Tenants'. The landlord must give you a copy of this guide before you sign a lease.

'Menyewa Rumah: Panduan untuk Penyewa'. Tuan rumah mesti memberi anda satu salinan panduan ini sebelum anda menandatangani perjanjian penyewaan.

'Rooming Houses: A Guide for Residents'. The landlord must give you a copy of this guide before you sign an agreement.

'Rumah Tumpangan: Panduan untuk Penghuni'. Tuan rumah mesti memberi anda satu salinan panduan ini sebelum anda menandatangani perjanjian.

Keeping the mates in housemates. Produced by Tenants Union of Victoria, a helpful publication for shared households. Mengekalkan rakan dalam rakan serumah.

Dihasilkan oleh Kesatuan Penyewa Victoria, penerbitan berguna ini untuk penyewa rumah bersama.

Government Support

Sokongan Kerajaan

Rent assistance provides financial help if you are paying rent and receiving a Centrelink payment. Open to Australian residents. Eligibility criteria apply.

Bantuan sewa menyediakan bantuan kewangan jika anda membayar sewa dan menerima bayaran Centrelink. Terbuka kepada penduduk Australia. Tertakluk kepada kriteria kelayakan.

Utility relief scheme offers support if you find that you are unable to pay utility bills due to a temporary financial crisis. Open to Australian residents, eligibility criteria apply.

Skim bantuan utiliti menawarkan sokongan jika anda mendapati bahawa anda tidak mampu untuk membayar bil utiliti disebabkan oleh krisis kewangan sementara. Terbuka kepada penduduk Australia, tertakluk kepada kriteria kelayakan.

You may be able to borrow money through a Bond Loan Scheme if you are on a low income and can't afford to pay the bond for a rental property. Eligibility criteria apply.

Anda boleh meminjam wang melalui Skim Pinjaman Bon jika anda berada dalam golongan berpendapatan rendah dan tidak mampu membayar bon untuk harta sewa. Tertakluk kepada kriteria kelayakan.

The Housing Establishment Fund may be able to help you if who are homeless or in a housing crisis. Eligibility criteria apply. For advice on HEF phone 1800 825 955.

Tabung Penubuhan Perumahan mungkin dapat membantu anda jika anda tiada tempat tinggal atau menghadapi krisis perumahan. Tertakluk kepada kriteria kelayakan. Untuk mendapatkan nasihat tentang HEF, telefon 1800 825 955.

MoneyHelp is supported by the Victoria and Australian Governments and offers help if you are struggling with bills, debt and ongoing expenses.

MoneyHelp disokong oleh Kerajaan Victoria dan Australia dan menawarkan bantuan jika anda sedang menghadapi masalah membayar bil dan hutang serta perbelanjaan yang berterusan.

Disclaimer - The content on our website is intended only to provide a summary and general overview on matters of interest. It is not intended to be comprehensive, nor to constitute legal advice. You should always obtain legal or other professional advice, appropriate to your own circumstances, before acting or relying on any of that content. Your use of this website, and your reliance on its content, is entirely at your own risk.

Penafian - Kandungan di laman web kami hanya bertujuan untuk menyediakan ringkasan dan gambaran umum mengenai soal-soal kepentingan umum. Ianya tidak menyeluruh dan tidak juga merupakan nasihat undang-undang. Anda perlu mendapatkan nasihat profesional undang-undang atau yang lain, sesuai dengan keadaan anda sendiri, sebelum bertindak atau bergantung kepada mana-mana kandungan tersebut. Anda mengguna laman web ini dan kandungannya adalah sepenuhnya atas risiko anda sendiri.